

Faks : 237605

Tel : 088-252692

Bil : KEW(S)100-4/1 Klt.3

Tarikh : 10 Julai 2007



KEMENTERIAN KEWANGAN  
Wisma Kewangan  
88593 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

**Semua Pengerusi Badan Berkanun Negeri dan Agensi Kerajaan**

**Ketua –Ketua Eksekutif Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan**

*Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/Tuan/Puan,*

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL. 5/2007**

**PINJAMAN UNTUK MEMBIAYAI PROJEK BADAN BERKANUN  
NEGERI DAN AGENSI KERAJAAN MELALUI SABAH  
DEVELOPMENT BANK BHD DAN PERBADANAN PINJAMAN  
SABAH**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Negeri telah membuat keputusan supaya semua pinjaman baru bagi pembiayaan projek/perniagaan oleh Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri diambil melalui Sabah Development Bank Bhd. Kementerian Kewangan menyedari bahawa institusi-institusi kewangan yang lain ada menawarkan insentif-insentif kos kapital, namun kos yang ditawarkan oleh Sabah Development Bank juga adalah kompetitif dan fleksibel mengikut merit projek yang dicadangkan.

3. Sehubungan dengan itu, mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan semua permohonan pinjaman pembiayaan projek/perniagaan Agensi Kerajaan hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan pinjaman pembiayaan kepada Sabah Development Bank untuk penilaian/pertimbangan sebelum mengemukakannya kepada institusi-institusi kewangan lain.
4. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**



(Datuk Hj. Yusoff bin Datuk Hj. Mohd. Kassim)  
Setiausaha Tetap

- s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Ketua Menteri,  
KOTA KINABALU
- s.k. Semua Setiausaha Tetap Kementerian